

BH  
18/6/2015  
MIS 21

# Pengantin baharu, ibu maut kemalangan

» Kereta masuk lorong bertentangan bertembung lori pasir

Oleh Ahmad Othman  
bhnews@bh.com.my

► Kota Tinggi

Seorang juru X-ray bersama isteri keduanya yang baharu dikahwini dua hari lalu, maut selepas kereta yang naiki bertembung dengan lori di Kilometer 42.2 Jalan Johor Bahru-Mersing, awal pagi semalam.

Kemalangan kira-kira jam 5 pagi itu turut menyebabkan ibu juru X-ray itu meninggal dunia, manakala pemandu lori hanya cedera ringan.

Abdullah Suhaime Abd Rahman, 30 dan ibunya, Rokiah Binti Abu Bakar, 52 beralamat di Skudai, Johor Bahru, manakala isterinya, Rohayu Abas, 29, dari Bandar Permaisuri, Terengganu yang memandu kereta berkenaan, meninggal dunia di tempat kejadian.

Adik Abdullah Suhaime, Maizatul, 25, berkata abangnya ke Terengganu, Ahad lalu untuk berkahwin dan ketika kejadian, mereka dalam perjalanan pulang ke Johor Bahru selepas selesai majlis perkahwinan itu.

"Saya hanya mengetahui kemalangan ini selepas dimaklumkan oleh ibu saudara yang dihubungi polis kira-kira dua jam selepas



Kereta yang dipandu Rohayu remuk selepas terabit dalam kemalangan di Jalan Johor Bahru-Mersing, Kota Tinggi, semalam.

(FOTO AHMAD OTHMAN/BH)



Rohayu Abas



Abdullah Suhaime Abd Rahman



Rokiah Abu Bakar

kemalangan.

"Ketika tiba di Hospital Kota Tinggi (HKT) bersama bapa, Abd Rahman Ali, 58, kami dimaklumkan semua mereka terkorban dalam kemalangan," katanya.

Sementara itu, isteri pertama Abdullah Suhaime, Farah Fadila Faizal, 27, berkata beliau hanya mengetahui suaminya ditimpa

kecelakaan jalan raya menerusi rakannya sebelum dimaklumkan oleh polis.

### Suami maklum pergi kursus

"Hari ini (semalam) baru saya tahu arwah berkahwin seorang lagi. Ahad lalu, suami beritahu saya yang dia hendak pergi kursus selama beberapa hari. Saya

juga ada mengirim pesanan ringkas ke telefon bimbitnya beberapa hari lalu mengadu sakit kaki tetapi tidak dibalas.

"Saya juga tidak tahu yang ibu mentua dan isteri baharunya ikut bersamanya," katanya yang kini mengandung empat bulan anak pertama mereka selepas dua tahun berkahwin.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Rahmat Othman, berkata kemalangan dipercayai berlaku apabila kereta dipandu mangsa dari arah Mersing menghala ke Johor Bahru memasuki jalan bertentangan dan bertembung dengan sebuah lori pengangkut pasir.

Katanya, akibat pertembungan itu, kereta mangsa remuk teruk dan ketiga-tiga mangsa disahkan meninggal dunia di tempat kejadian sebelum mayat mereka yang dikeluarkan oleh pasukan Bomba dan Penyelamat Kota Tinggi dihantar ke HKT untuk bedah siasat.

Beliau berkata, pemandu lori terabit, Mohamad Amirul Faiz Azman, 23 dari FELDA Pasak, dekat sini, yang cedera di mata, dada dan kaki, turut dirawat di hospital sama.